

DR. 12/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa—

- (a) peruntukan yang berlainan Akta ini; atau
- (b) semua peruntukan atau peruntukan yang berlainan Akta ini berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau sekuriti yang berlainan.

Pindaan seksyen 2

2. Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 [*Akta 498*], yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 2—

- (a) dengan memotong takrif "Bank Negara Malaysia";
- (b) dengan memotong takrif "berdagang";

Rang Undang-Undang

- (c) dengan menggantikan takrif "berniaga sekuriti" dengan takrif yang berikut:
- ' "berniaga dalam sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta];';
- (d) dengan menggantikan takrif "buku-buku" dengan takrif yang berikut:
- "buku" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
- (e) dengan menggantikan takrif "bursa" dengan takrif yang berikut:
- ' "bursa" ertinya bursa saham yang ditubuhkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
- (f) dengan memasukkan selepas takrif "bursa" takrif yang berikut:
- "bursa niaga hadapan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
- (g) dengan menggantikan takrif "bursa saham" dengan takrif yang berikut:
- ' "bursa saham" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
- (h) dengan memotong takrif "debentur";
- (i) dengan menggantikan takrif "depositori pusat" dengan takrif yang berikut:
- ' "depositori pusat" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
- (j) dengan memofong takrif "disenaraikan";

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(k) dengan menggantikan takrif "gabungan" dengan takrif yang berikut:

"gabungan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;;

(l) dengan memotong takrif "institusi berlesen";

(m) dengan memotong takrif "kelab rekreasi tidak tersenarai";

(n) dengan menggantikan takrif "kontrak niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

"kontrak niaga hadapan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;;

(o) dengan memotong takrif "lesen";

(p) dengan memotong takrif "menerbitkan";

(q) dalam takrif "orang berlesen", dengan menggantikan perkataan "Bahagian IV Akta Perindustrian Sekuriti 1983 atau Bahagian III Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993" dengan perkataan "Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007";

(r) dengan memotong takrif "orang bersekutu";

(s) dengan menggantikan takrif "organisasi peserta" dengan takrif yang berikut:

"organisasi peserta" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;;

(t) dengan menggantikan takrif "pasaran niaga hadapan" dengan takrif yang berikut:

"pasaran niaga hadapan" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;;

(u) dengan memotong takrif "pasaran saham";

(v) dalam takrif "pelaburan yang ditetapkan", dengan menggantikan perkataan "subseksyen 2B(3)" dengan perkataan "subseksyen 5(3) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007";

Rang Undang-Undang

(w) dengan memotong takrif "pemegang unit";

(x) dengan memotong takrif "peminjam";

(y) dengan memotong takrif "Pendaftar";

(z) dengan memotong takrif "penerbit"; (aa)

dengan memotong takrif "peniaga terkecuali"; (bb)

dengan memotong takrif "penjamin";

(cc) dengan menggantikan takrif "peserta" dengan takrif yang berikut:

"peserta" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';

(dd) dalam takrif "pusat penjelasan", dengan menggantikan perkataan "subseksyen 6B(1) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993" dengan perkataan "seksyen 38 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007";

(ee) dengan memotong takrif "senarai rasmi";

(ff) dengan menggantikan takrif "sekuriti" dengan takrif yang berikut:

' "sekuriti" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';

(gg) dengan memotong takrif "syarikat bursa";

(hh) dengan menggantikan takrif "syarikat pemegangan bursa" dengan takrif yang berikut:

' "syarikat pemegangan bursa" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';

(ii) dengan memotong takrif "syarikat pengurusan";

(jj) dengan menggantikan takrif "undang-undang sekuriti" dengan takrif yang berikut:

"undang-undang sekuriti" ertinya Akta ini, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori pusat) 1991 [Akta 453] dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;';
dan

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(kk) dengan memotong takrif "unit".

Pemotongan seksyen 2B

3. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 2B.

Pemotongan seksyen 2c

4. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 2c.

Pindaan seksyen 18

5. Subseksyen 18(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 24

6. Seksyen 24 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "syarikat bursa" dengan perkataan "bursa niaga hadapan";

(b) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(2A) Dalam hal tiap-tiap pembelian atau penjualan sekuriti atau tiap-tiap kontrak niaga hadapan yang dilaksanakan melalui suatu kemudahan elektronik yang didaftarkan di bawah seksyen 34 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007, Suruhanjaya boleh mengenakan suatu levi pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*"; dan

(c) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

"(6) Bagi maksud seksyen ini, istilah "kedudukan pendek" dan "kedudukan panjang" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007."

Rang Undang-Undang

Pemotongan Bahagian IV dan IVA

7. Akta ibu dipinda dengan memotong Bahagian IV dan IVA.

Pindaan seksyen 125

8. Seksyen 125 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini, Akta Perindustrian Sekuriti 1983, Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 126

9. Seksyen 126 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "orang berlesen" dengan perkataan "oleh Suruhanjaya";
- (b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Suruhanjaya boleh, dari semasa ke semasa, memeriksa, tanpa memberikan apa-apa notis terlebih dahulu, buku atau dokumen lain, akaun dan transaksi—

- (a) suatu syarikat pemegang bursa;
 - (b) suatu bursa saham;
 - (c) suatu pusat penjelasan diluluskan;
 - (d) suatu bursa niaga hadapan; dan
 - (e) seseorang orang berlesen.";
- (c) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

"(2) Mana-mana orang dan mana-mana pekhidmat atau ejen orang itu hendaklah, apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Suruhanjaya, mengemukakan apa-apa dokumen, rekod atau perkara yang disebut dalam subseksyen (1)."; dan

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(d) dengan memasukkan selepas subseksyen (2) subseksyen yang berikut:

"(3) Bagi maksud seksyen ini dan seksyen 127, "orang" ertinya mana-mana orang yang disenaraikan di bawah perenggan (1)(a) hingga (e).".

Pindaan seksyen 127

10. Seksyen 127 Akta ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan memotong perkataan ", orang berlesen";

(b) dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

"(1) Bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen 126, seseorang yang diperiksa, pengarah dan pegawainya hendaklah memberikan mana-mana orang yang menjalankan pemeriksaan itu akses kepada semua buku atau dokumen dan akaunnya yang lain, termasuk dokumen hakmilik bagi asetnya, semua sekuriti yang dipegang olehnya berkenaan dengan transaksi sekuriti, segala wang tunai, dan semua dokumen, maklumat dan kemudahan itu yang diperlukan oleh orang yang menjalankan pemeriksaan itu, dan hendaklah mengemukakan kepada orang yang menjalankan pemeriksaan itu semua buku atau dokumen, akaun, hakmilik, sekuriti atau wang tunai lain itu, dan memberikan segala maklumat itu, sebagaimana yang dikehendakinya, tetapi setakat yang selaras dengan penjalanan pemeriksaan itu, buku atau dokumen, akaun, hakmilik, sekuriti dan wang tunai itu tidaklah boleh dikehendaki supaya dikemukakan pada bila-bila masa atau di mana-mana tempat yang boleh mengganggu penjalanan sepatutnya urusan harian biasa orang itu."; dan

(c) dalam subseksyen (3), dengan memotong perkataan "berlesen" di mana-mana jua terdapat.

Rang Undang-Undang

Pindaan seksyen 128

11. Seksyen 128 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1) —
 - (i) dengan memotong perkataan "dan" di hujung perenggan (b);
 - (ii) dengan menggantikan noktah di hujung perenggan (c) dengan perkataan "; dan"; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - "(d) menahan semua atau mana-mana orang yang ditemui di premis yang diteledah itu di bawah subseksyen ini sehingga premis itu selesai diteledah."; dan
- (b) dalam subseksyen (8), dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 134

12. Seksyen 134 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (3), dengan memasukkan selepas perkataan "hendaklah dituliskan" perkataan "atau direkodkan dan yang kemudiannya dituliskan";
- (b) dalam subseksyen (5) —
 - (i) dengan memotong perkataan "atau" di hujung perenggan (b);
 - (ii) dengan menggantikan koma di hujung perenggan (c) dengan koma bernoktah; dan
 - (iii) dengan memasukkan selepas perenggan (c) perenggan yang berikut:
 - "(d) menghalang seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya dalam menjalankan penyiasatan di bawah seksyen ini,"; dan

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(c) dalam subseksyen (10), dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 139

13. Subseksyen 139(2) Akta ibu dipinda dalam teks bahasa Inggeris dengan menggantikan perkataan "composition" dengan perkataan "compound";

Pindaan seksyen 146

14. Subseksyen 146(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 147

15. Seksyen 147 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 148

16. Subseksyen 148(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 149

17. Perenggan 149(b) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Pindaan seksyen 150

18. Subseksyen 150(1) Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Seksyen baru 150A

19. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 150 seksyen yang berikut:

"Kebolehterimaan keterangan yang diperoleh melalui bantuan daripada pihak berkuasa menyelia asing

150A. (1) Jika seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya semasa penyiasatannya memperoleh keterangan, lisan atau dokumentar, melalui bantuan yang diperoleh daripada pihak berkuasa menyelia asing, keterangan itu boleh diterima sebagai keterangan *prima facie*.

(2) Dalam seksyen ini, suatu salinan keterangan dokumentar tidak boleh diterima sebagai keterangan melainkan jika orang yang mempunyai jagaan atau kawalan dokumen itu mengesahkan bahawa dia telah merneriksa dan menentusahkan salinan dokumen itu dengan yang asal.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), jika dokumen asal tidak dijumpai atau hilang, adalah mencukupi bagi orang yang mempunyai jagaan atau kawalan dokumen itu menyatakan secara lisan atau dalam suatu affidavit yang diberikan di bawah seksyen ini bahawa dia telah membuat usaha yang munasabah untuk mengesan dokumen asal dan sesudah itu salinan dokumen itu hendaklah boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* mengenai dokumen itu dalam mana-mana prosiding undang-undang.

(4) Keterangan lisan yang disebut dalam subseksyen (1) hendaklah boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* jika orang yang diberi kuasa oleh pihak berkuasa menyelia asing itu merekodkan keterangan lisan secara bertulis, mengesahkan dalam suatu affidavit bahawa pernyataan yang dilampirkan pada affidavit itu telah direkodkan daripada orang yang tahu akan hal keadaan kes itu dan perekodan keterangan lisan itu dibuat mengikut undang-undang yang dikuatkuasakan atau ditadbirkan oleh pihak berkuasa menyelia asing itu.

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(5) Suatu afidavit di bawah seksyen ini tidak boleh diterima sebagai keterangan *prima facie* melainkan jika ia diangkat sumpah —

- (a) di Republik Singapura, di hadapan mana-mana Hakim, Hakim Daerah, Penolong Hakim Daerah, **Pendaftar**, Timbalan Pendaftar, polis, Majistret atau di hadapan mana-mana orang yang diberi kuasa untuk mengambil afidavit melalui mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Republik Singapura;
- (b) di England, Scotland, Ireland atau Kepulauan Channel atau di mana-mana **tanah** jajahan, pulau atau tempat di bawah penguasaan atau bidang kuasa atau perlindungan Baginda Ratu Britain, di hadapan mana-mana Hakim. Mahkamah, Notari Awam atau orang lain yang secara sah diberi kuasa untuk mentadbirkan sumpah; atau
- (c) di mana-mana tempat lain, di hadapan mana-mana pegawai yang menjalankan **fungsi** konsular bagi pihak Malaysia.

(6) Mahkamah hendaklah mengambil pengiktirafan kehakiman terhadap meterai atau tandatangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mana-mana Hakim, Mahkamah, Notari Awam, Konsular, Naib Konsular atau orang lain yang meterai atau tandatangannya dilampirkan atau diturunkan pada mana-mana afidavit."

Pindaan seksyen 151

20. Seksyen 151 Akta ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Akta ini" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "undang-undang sekuriti".

Seksyen baru 152A

21. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 152 seksyen yang berikut:

"Kuasa Suruhanjaya untuk menyiarkan maklumat

152A. (1) Suruhanjaya boleh, jika difikirkannya perlu atau suai rmanfaat demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur

Rang Undang-Undang

dan mengikut apa-apa bentuk atau cara yang difikirkannya patut, menyiarkan apa-apa maklumat berhubung dengan —

- (a) pemberian, peluputan, pembatalan atau penggantungan sesuatu kelulusan, lesen atau pengecualian yang diberikan di bawah undang-undang sekuriti kepada mana-mana orang;
- (b) pengeluaran apa-apa arahan di bawah subseksyen 217(4) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (c) apa-apa tindakan yang diambil di bawah seksyen 354, 355 atau 356 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007";
- (d) suatu perintah oleh mahkamah di bawah seksyen 360 Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007;
- (e) pengkompaunan apa-apa kesalahan—
 - (i) di bawah undang-undang sekuriti; atau
 - (ii) di bawah mana-mana undang-undang lain, sama ada undang-undang Malaysia atau undang-undang mana-mana wilayah atau negara di luar Malaysia;
- (f) apa-apa prosiding sivil atau jenayah yang dibawa—
 - (i) di bawah undang-undang sekuriti terhadap mana-mana orang dan keputusan mana-mana prosiding itu, termasuk apa-apa penyelesaian, sama ada di dalam atau di luar mahkamah; atau
 - (ii) di bawah mana-mana undang-undang lain, sama ada undang-undang Malaysia atau undang-undang mana-mana wilayah atau negara di luar Malaysia, terhadap mana-mana orang dan keputusan mana-mana prosiding, termasuk apa-apa penyelesaian, sama ada di dalam atau di luar mahkamah; atau

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

(g) apa-apa tindakan lain yang boleh diambil oleh Menteri, Suruhanjaya, sesuatu bursa saham, bursa niaga hadapan atau pusat penjelasan diluluskan terhadap mana-mana orang."

Pemotongan seksyen 153

22. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 153.

Pemotongan seksyen 155

23. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 155.

Pemotongan seksyen 156

24. Akta ibu dipinda dengan memotong seksyen 156.

Pindaan seksyen 158

25. Seksyen 158 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen (1), dengan memotong perkataan "Akta ini atau" di mana-mana jua terdapat;
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan "peruntukan Bahagian I dan Bahagian IV" dengan perkataan "mana-mana notis bertulis, surat pekeliling, syarat atau garis panduan";
- (c) dengan memotong subseksyen (3), (5), (6) dan (7); dan
- (d) dalam subseksyen (8), dengan memotong perkataan "Akta ini atau".

Pindaan seksyen 159

26. Akta ibu dipinda dengan memotong perenggan 159(2)(c) dan (d).

Rang Undang-Undang

Pemotongan Jadual 1, 2, 3, 4 dan 5

27. Akta ibu dipinda dengan memotong Jadual 1, 2, 3, 4 dan 5.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 ("Akta 498"). Pindaan yang dicadangkan adalah berbangkit daripada pembuatan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas. Ia juga bertujuan untuk memberi Menteri kuasa untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta dan untuk menetapkan tarikh yang berlainan bagi permulaan kuat kuasa peruntukan yang berlainan Akta ini atau berkenaan dengan kelas atau kategori orang atau sekuriti yang berlainan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 498 untuk meminda atau memotong ungkapan tertentu supaya selaras dengan ungkapan yang digunakan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

4. *Fasal 3* dan *4* masing-masing bertujuan untuk memotong seksyen 2B dan 2c Akta 498 kerana kedua-dua peruntukan itu kini diperuntukkan dalam Bahagian VI dan subseksyen 378(3) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

5. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 18(1) Akta 498 untuk menyatakan bahawa apa-apa jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Suruhanjaya akan membantu Suruhanjaya melaksanakan fungsinya bukan sahaja di bawah Akta 498 tetapi juga di bawah undang-undang sekuriti yang ditakrifkan dalam Akta yang dicadangkan ini sebagai Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991 dan Akta Pasaran Modal and Perkhidmatan 2007.

6. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda seksyen 24 Akta 498 untuk memberi Suruhanjaya kuasa untuk mengenakan levi pada kadar yang ditentukan oleh Menteri bagi perdagangan yang dilaksanakan melalui kemudahan elektronik yang didaftarkan menurut seksyen 34 Akta Pasaran Modal and Perkhidmatan 2007.

7. *Fasal 7* bertujuan untuk memotong Bahagian IV dan IVA Akta 498 kerana semua peruntukan dalam Bahagian itu kini dimasukkan ke dalam Bahagian VI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 yang berhubungan dengan penerbitan sekuriti dan pengambilalihan dan percantuman.

8. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda seksyen 125 Akta 498. Ia hanya menggubal semula peruntukan itu untuk menghapuskan sebutan mengenai undang-undang yang telah menjadi lapuk disebabkan oleh pembuatan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan)

9. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda seksyen 126 Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi pemeriksaan buku atau dokumen, akaun dan transaksi lain oleh Suruhanjaya,
10. *Fasal 10* bertujuan untuk meminda seksyen 127 Akta 498 untuk menghapuskan sebutan mengenai "orang berlesen" berbangkit daripada pindaan yang dibuat kepada seksyen 126 Akta 498.
11. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 128 Akta 498 untuk memberi Pegawai Penyiasat Suruhanjaya kuasa tambahan untuk menahan mana-mana orang yang ditemui di premis yang digeledah bagi memudahkan penggeledahan itu.
12. *Fasal 12* bertujuan untuk meminda seksyen 134 Akta 498 untuk menjadikannya suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang menghalang seseorang Pegawai Penyiasat Suruhanjaya dalam menjalankan sesuatu penyiasatan di bawah seksyen itu.
13. *Fasal 15, 16, 17, 18 dan 19* bertujuan untuk meminda masing-masingnya seksyen 146, 147, 148, 149 dan 150 Akta 498 untuk memperluas pemakaian undang-undang sekuriti kepada seksyen itu.
14. *Fasal 20* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 150A ke dalam Akta 498 untuk mengadakan peruntukan bagi kebolehterimaan keterangan yang diperolehi oleh Pegawai Penyiasat Suruhanjaya melalui bantuan pihak berkuasa menyelia asing sebagai keterangan *prima facie* di mahkamah.
15. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 151 Akta 498. Kuasa Suruhanjaya untuk menentukan cara dan bentuk yang maklumat boleh dikehendaki daripada seseorang dan tempoh bagi mematuhi permintaan itu di bawah Akta 498 kini akan diperluaskan untuk kuasa itu dilaksanakan di bawah undang-undang sekuriti.
16. *Fasal 22* bertujuan untuk memasukkan seksyen baru 152A ke dalam Akta 498 untuk membenarkan Suruhanjaya menyiarkan apa-apa maklumat yang difikirkan perlu atau suai manfaat oleh Suruhanjaya demi kepentingan awam atau bagi melindungi pelabur.
17. *Fasal 23, 24 dan 25* bertujuan untuk memotong masing-masingnya seksyen 153, 155 dan 156 Akta 498 kerana peruntukan itu kini dimasukkan ke dalam Bahagian XI Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.
18. *Fasal 26* bertujuan untuk meminda seksyen 158 Akta 498 yang memperuntukkan bahawa Suruhanjaya boleh menghendaki seseorang untuk melaksanakan apa-apa notis bertulis, surat pekeliling, syarat atau garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.
19. *Fasal 27* bertujuan untuk memotong perenggan 159(2)fcJ dan (d) Akta 498 yang berhubungan dengan kuasa Suruhanjaya untuk membuat peraturan-peraturan supaya selaras dengan peruntukan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

Rang Undang-Undang

20. *Fasal 28* bertujuan untuk memotong Jadual 1, 2, 3, 4 dan 5 Akta 498 kerana Jadual seumpamanya telah diperuntukkan dalam Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007.

21. Pindaan Iain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U²)2595]